

31

NO. SOALAN : 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
[ SUNGAI BESAR ]**

**TARIKH : 28 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perancangan khusus pihak Kementerian bagi memastikan industri inap desa atau homestay mendapat manfaat besar menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 menggunakan slogan "*Travel, Enjoy, Respect*" di mana intipati slogan tersebut adalah:

- i. menyokong ekonomi tempatan;
- ii. menghormati tuan rumah (*host*) dan warisan bersama (*common heritage*);
- iii. menjadi pengembara yang menghormati dan berpengetahuan; dan
- iv. melindungi alam semulajadi.

Dalam erti kata lain, Tahun Melawat Malaysia 2020 bukan satu tahun yang kita hanya mahukan impak / limpahan ekonomi daripada pelancong-pelancong tetapi kita mahukan pelancong-pelancong untuk turut serta menghormati kebudayaan, warisan dan alam semulajadi tempatan selaras dengan pembangunan industri pelancongan yang lebih mampan dan lestari seperti yang digariskan dalam *Sustainable Development Goals (SDGs)* oleh *United Nations World Tourism Organization (UNWTO)*.

Sehubungan dengan itu, Kementerian berpandangan bahawa program inap desa / homestay amat bertepatan dan bersesuaian dengan intipati slogan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020. Justeru, bagi memastikan industri homestay mendapat manfaat besar menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020, pakej pelancongan istimewa akan dibangunkan

mengambil kira penglibatan komuniti homestay. Malah, aktiviti promosi dan pemasaran yang lebih agresif akan dilaksanakan melalui medium pemasaran digital di samping mempergiatkan lagi pemasaran pelancongan domestik yang bakal memberikan impak positif secara langsung kepada industri homestay. Selain itu, aspek pembangunan keupayaan pengusaha homestay melalui kursus dan latihan berkenaan pembangunan keusahawanan, pemasaran dan pengurusan akan dipergiatkan bagi memastikan kesiapsiagaan para penggiat industri homestay untuk turut sama menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2020.

Sekian, terima kasih.